

# lokal



AIR limpahan Sungai Besut memasuki kawasan di Kampung Lapan Kejur, Jerlth, semalam.

## 420 dipindahkan ke 10 PPS

**Kuala Terengganu:** Seramai 420 individu membabitkan 134 keluarga dipindahkan ke 10 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang dibuka di Besut dan Setiu, semalam.

Ketua Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Leftenan Kolonel Che Adam A Rahman berkata, sebanyak 10 PPS dibuka membabitkan dua daerah berkenaan sehingga jam 4 petang semalam.

Katanya, daripada jumlah itu sebanyak empat PPS dibuka di daerah Setiu iaitu di Surau Kampung Hulu Seladang, Sekolah Kebangsaan Kampung Besut, Pusat Penempatan (PP) Banjir Kampung Besut dan Masjid Kampung Merbau Menyusup.

"Jumlah keseluruhan mangsa di daerah Setiu adalah 136 individu membabitkan 62 keluarga manakala di daerah Besut pula sebanyak enam PPS di buka iaitu di Sekolah Kebangsaan Felda Tenang,

### BANJIR DI KELANTAN

Sehingga jam 6 petang semalam

Jumlah Mangsa : **125 mangsa**  
Banjir

Jumlah Pusat Pemindahan Sementara (PPS)

**Kuala Krai**  
Dua PPS : **33 keluarga**  
: **125 mangsa**

• SK Chenulang : **18 keluarga**  
: **83 mangsa**

• Tadika KEMAS : **10 keluarga**  
Kuala Pertang : **42 mangsa**

Dewan Terbuka Belaoh, Masjid Kampung La, Sekolah Kebangsaan Sri Payung, Surai Seberang La dan Surau Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Belaoh.

"Jumlah mangsa dipindahkan di enam PPS di Besut adalah seramai 284 mangsa membabitkan 72 keluarga," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, sebuah lagi PPS iaitu di Dewan Terbuka Kampung Belaoh, Hulu Besut, mula dibuka sejak jam

12 tengah hari semalam. Setiu pula mula membuka PPS jam 12.30 tengah hari di Surau Kampung Hulu Seladang.

Che Adam berkata, berdasarkan keadaan cuaca semasa yang masih hujan, pihaknya menjangka lebih ramai penduduk akan dipindahkan ke PPS secara berperingkat.

"Ketika ini di Besut dan Setiu cuaca masih hujan dengan sekejap lebat dan kadangkala renyai. Justeru kami jangka, jumlah mangsa banjir akan meningkat dari semasa ke semasa.

"Kami nasihatkan penduduk supaya mengambil langkah berjaga-jaga terutama soal isu keselamatan keluarga mereka kerana banyak kawasan semakin dinaiki air," katanya.

Sementara itu, sehingga jam 12 tengah hari, paras sungai di Besut dan Setiu masih menunjukkan trend peningkatan apabila bacaan empat sungai melebihi paras bahaya.



**BAH MELANDA**

# LEMAS DALAM RUMAH

*Wanita warga emas ditemui meninggal dunia tertiarap di ruang tamu*



ANGGOTA polis dan APM membuat pemeriksaan di rumah Hasnah di Kampung Baru Air Merah, semalam.



KEADAAN banjir di Kampung Jerubun, Besut susulan hujan lebat, semalam.